



TEKS UCAPAN

**BELANJAWAN 2024
NEGERI PERLIS**

**YAB TUAN MOHD SHUKRI BIN RAMLI
MENTERI BESAR PERLIS**

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2024

**SELASA, 12 DISEMBER 2023
DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS**

**“MELESTARI EKONOMI NEGERI
DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT”**

MUKADIMAH

PRESTASI EKONOMI SEMASA

PRESTASI EKONOMI NEGERI PERLIS

BELANJAWAN 2024

FOKUS 1: PENINGKATAN SOSIO EKONOMI RAKYAT

Inisiatif 1: Kebajikan Golongan Rentan

Inisiatif 2: Pembangunan Usahawan

Inisiatif 3: Memperkasa Sektor Pertanian dan Penternakan

Inisiatif 4: Pemantapan Syiar Islam

FOKUS 2: PENGUKUHAN EKONOMI YANG MAPAN

Inisiatif 1: Peningkatan Hasil Negeri

Inisiatif 2: Kesenambungan Projek Pemangkin Perubahan

Inisiatif 3: Projek Perniagaan Agrotani

Inisiatif 4: Pemerkasaan Infrastruktur Awam

Inisiatif 5: Perlis Bersih dan Sihat

Inisiatif 6: Perlis Destinasi Pelancongan

Inisiatif 7: Perlis Geopark

FOKUS 3: PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Inisiatif 1: Pendigitalan Perlis

Inisiatif 2: Menghargai Penjawat Awam

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Selawat dan salam ke atas Rasul Junjungan Nabi Muhammad
S.A.W.

Salam Perlis,

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang bertajuk **“Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2024 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu”** dibacakan untuk kali kedua.

MUKADIMAH

Yang Berhormat Tuan Speaker,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dan segala puji dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, di atas limpah dan rahmatNya, yang telah mengizinkan saya untuk membentangkan Belanjawan Tahun 2024 Negeri Perlis.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail atas kepercayaan dan amanah baginda kepada barisan kepimpinan baharu negeri dalam membawa Perlis terus maju ke hadapan.

3. Barisan Anggota Pentadbiran dan seluruh warga pentadbiran awam negeri akan terus istiqamah serta bekerja bersungguh-sungguh dalam melaksanakan amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja dan seluruh rakyat Perlis.

4. Ini adalah sebagaimana firman Allah dalam surah An Anfal Ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا
أَمَانَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ٢٧

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).

Yang Berhormat Tuan Speaker,

5. Sedar tidak sedar, tempoh pentadbiran kerajaan baharu ini telah melebihi setahun iaitu hampir melangkaui 13 bulan, sejak Pilihanraya Umum ke-15 pada 19 November 2022 yang lalu. Sebagai sebuah kerajaan yang baharu terbentuk, pelbagai cabaran, rintangan dan liku-liku telah dihadapi bagi memastikan Negeri Perlis yang tercinta ini dapat bergerak pantas ke hadapan setanding dengan negeri-negeri lain. Namun begitu, Alhamdulillah semua cabaran dan rintangan tersebut berjaya diharungi bersama dengan semangat kerjasama dan komitmen yang jitu dari semua pihak.

6. Ini adalah kerana semua pihak, terutama yang berada di Dewan yang mulia ini sentiasa meletakkan kepentingan rakyat

di hadapan berbanding kepentingan lain termasuklah kepentingan peribadi. Semoga komitmen dan semangat yang ditunjukkan ini akan terus subur bagi memastikan kesinambungan pembangunan negeri dan sistem penyampaian perkhidmatan yang mantap dapat dilaksanakan, selaras dengan usaha untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi serta taraf kehidupan rakyat Negeri Perlis.

7. Kerajaan Negeri juga sangat menjunjung kedaulatan Islam dan memartabatkannya dibawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail. Bagi memastikan negeri ini terus mendapat keredhaan dan keberkatan dari Allah Rabbul Jalil, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk memberhentikan lesen judi di setiap premis judi berlesen mulai tahun 2023. Operasi premis judi di Negeri Perlis akan tamat sepenuhnya pada bulan Mac 2024. Kita mengharapkan dengan usaha ini, akan menjadikan Negeri Perlis terus mendapat keberkatan yang berpanjangan dari Allah SWT.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

PRESTASI EKONOMI SEMASA

8. Keadaan ekonomi dunia secara umumnya berada dalam situasi yang mencabar kerana kita masih lagi berada dalam fasa pemulihan COVID-19. Prestasi ekonomi dunia bertumbuh lebih perlahan pada tahun 2022, iaitu 3.5 peratus berbanding 6.3 peratus pada tahun 2021.

9. Dalam konteks Malaysia, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku ketiga 2023 pula mencatat pertumbuhan sebanyak 3.3 peratus berbanding 2.9 peratus pada suku kedua tahun ini. Keadaan ini adalah berikutan permintaan eksport yang kekal lembap susulan kelemahan permintaan luaran yang berpanjangan. Sungguhpun begitu, keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh kemasukan pelancong asing yang kembali pulih.

10. Prestasi KDNK keseluruhan ini dipacu oleh sektor perkhidmatan manakala sektor pembinaan pula kekal bertumbuh sederhana. Di samping itu, sektor pertanian pula mula menunjukkan pemulihan selepas mencatatkan penyusutan pada suku tahun sebelumnya. Namun dua sektor, iaitu perlombongan & pengkuarian dan pembuatan menguncup pada suku tahun ketiga ini.

11. Secara keseluruhan prestasi bagi tiga suku tahun pertama 2023 menunjukkan ekonomi Malaysia berkembang 3.9 peratus dengan pertumbuhan ekonomi yang sederhana pada suku tahun ketiga. Selaras dengan itu, pertumbuhan KDNK bagi tahun 2023 telah diunjur semula kepada sekitar 4 peratus.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

PRESTASI EKONOMI NEGERI PERLIS

12. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Perlis berkembang 5.7 peratus pada tahun 2022 dengan nilai 6.2 bilion ringgit berbanding 1.4 peratus atau 5.9 bilion ringgit pada tahun sebelumnya. Sektor perkhidmatan masih kekal sebagai sektor utama yang memacu ekonomi Negeri Perlis dengan sumbangan sebanyak 70.2 peratus kepada keseluruhan KDNK Perlis, dengan nilai 4.4 bilion ringgit, diikuti oleh sektor pertanian 16.9 peratus atau 1.05 bilion ringgit. Sementara itu, sektor pembuatan pula menyumbang sebanyak 7.9 peratus, diikuti oleh sektor pembinaan sebanyak 2.5 peratus dan terakhir sektor perlombongan dan pengkuarian sebanyak 0.5 peratus.

13. Peningkatan yang ketara di dalam sektor perkhidmatan adalah disumbangkan oleh prestasi subsektor perdagangan borong dan runcit; makanan, minuman dan penginapan; diikuti subsektor utiliti, pengangkutan dan penyimpanan; serta maklumat dan komunikasi. Manakala peningkatan KDNK di dalam sektor Pertanian adalah disumbangkan oleh subsektor tanaman dan diikuti oleh subsektor perikanan dan ternakan.

14. Di samping itu, KDNK Perkapita Negeri Perlis turut menunjukkan peningkatan sebanyak 7.45 peratus, iaitu peningkatan daripada 21,522 ringgit pada tahun 2021 kepada 23,126 ringgit pada tahun 2022. Ini menunjukkan bahawa produktiviti dan kecekapan Negeri Perlis semakin meningkat dalam menjana pendapatan keseluruhan.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

BELANJAWAN 2024

15. Bagi meneruskan iltizam untuk menjadikan Negeri Perlis yang berdaya maju, prihatin, bersih dan stabil ke arah Negeri Bandaraya menjelang tahun 2030, Belanjawan Tahun 2024 Negeri Perlis dengan tema “Melestari Ekonomi Negeri Demi Kesejahteraan Rakyat” memperuntukkan sejumlah 293.92 juta

ringgit bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Ini merupakan belanjawan yang terbesar pernah dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

16. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **184.64 juta ringgit** atau 62.82 peratus disediakan di bawah perbelanjaan mengurus manakala **109.27 juta ringgit** atau 37.18 peratus pula di bawah perbelanjaan pembangunan.

17. Bagi memastikan pelaksanaan Belanjawan Tahun 2024 ini dapat direalisasikan, Kerajaan Negeri akan memberi penekanan kepada tiga (3) fokus berikut:

Fokus 1: Peningkatan Sosio Ekonomi Rakyat;

Fokus 2: Pengukuhan Ekonomi Yang Mapan; dan

Fokus 3: Pemerkasaan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Yang Berhormat Tuan Speaker,

PERBELANJAAN MENGURUS

18. Secara keseluruhan, perbelanjaan mengurus tahun 2024 meningkat sebanyak **4.23 juta ringgit** atau 2.34 peratus berbanding tahun 2023. Daripada jumlah yang diperuntukkan,

sebanyak 63.62 juta ringgit disediakan untuk bayaran Emolumen, 79.93 juta ringgit disediakan bagi menampung perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, 36.47 juta ringgit disediakan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan sebanyak 4.62 juta ringgit pula disediakan untuk tujuan Aset serta Lain-lain Perbelanjaan.

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

19. Bagi peruntukan **pembangunan** berjumlah **109.27 juta ringgit** yang disediakan, sebanyak **56.84 peratus** daripada peruntukan ini adalah dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan projek peningkatan prasarana untuk kemudahan rakyat.

20. Bagi tujuan memenuhi keperluan pembangunan semua sektor, peruntukan pembangunan bagi tahun 2024 akan diagihkan kepada enam (6) Agensi Pelaksana yang utama seperti berikut:

- (i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sebanyak 72.81 juta ringgit;
- (ii) Jabatan Kerja Raya sebanyak 19.05 juta ringgit;

- (iii) Jabatan Pengairan dan Saliran sebanyak 8.67 juta ringgit;
- (iv) Jabatan Perhutanan sebanyak 4.09 juta ringgit.
- (v) Jabatan Pertanian sebanyak 3.71 juta ringgit; dan
- (vi) Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebanyak 0.94 juta ringgit.

ANGGARAN HASIL

21. Bagi anggaran hasil pula, Kerajaan Negeri menganggarkan kutipan hasil bagi tahun 2024 berjumlah 113.24 juta ringgit yang disumbang oleh komponen berikut:

- (i) Hasil Cukai sebanyak 22.02 juta ringgit;
- (ii) Hasil Bukan Cukai sebanyak 24.31 juta ringgit; dan
- (iii) Terimaan Bukan Hasil sebanyak 66.91 juta ringgit.

22. Berdasarkan anggaran ini, kutipan hasil negeri dijangka meningkat sebanyak 1.0 juta ringgit atau 0.89 peratus berbanding tahun 2023. Dengan anggaran hasil ini, Kerajaan Negeri diunjurkan mengalami defisit sebanyak 71.4 juta ringgit

pada tahun 2024, iaitu peningkatan sebanyak 3.2 juta ringgit atau 4.73 peratus berbanding 68.18 juta ringgit pada tahun 2023.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

FOKUS 1: PENINGKATAN SOSIO EKONOMI RAKYAT

23. Kerajaan Negeri cakna dan komited dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup dan tekanan ekonomi pada masa kini. Khalifah Saidina 'Umar Al-Khattab RA telah menitipkan pesanan untuk diambil peringatan:

"Jika rakyatku lapar, biarlah aku orang yang pertama merasainya, dan jika rakyatku kenyang, biarlah aku orang yang terakhir menikmatinya".

24. Justeru Kerajaan Negeri, Insya Allah akan memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terjaga dan peruntukan tersebut sampai kepada golongan sasaran melalui inisiatif-inisiatif berikut:

Inisiatif 1: Kebajikan Golongan Rentan

25. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **7.84 juta ringgit** bagi pemberian bantuan kebajikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang akan memberikan manfaat kepada lebih 2,600 penerima bantuan yang terdiri daripada keluarga/ individu tidak berkemampuan, ibu tunggal, pesakit, orang kurang upaya (OKU), tanggungan banduan, individu terbiar/ diabaikan, warga emas, kanak-kanak dan pesakit kronik/ orang kurang upaya terlantar.

26. Selain itu, bermula tahun 2024, atas keprihatian Kerajaan Negeri terhadap golongan yang memerlukan, kadar bantuan sedia ada di bawah JKM akan dinaikkan seperti berikut:

(i) Kadar Bantuan Am

Bagi membantu meringankan beban rakyat, kadar Bantuan Am akan dinaikkan sehingga 100 peratus dengan menjadikan jumlah kadar bantuan yang akan diterima adalah di antara **200 ringgit** hingga **400 ringgit** sebulan. Bagi maksud tersebut, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **6.65 juta ringgit** setahun iaitu pertambahan sebanyak **50 ribu ringgit** berbanding peruntukan tahun sebelumnya;

Menjunjung kasih ke atas perkenan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis selaku Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis di atas kelulusan pemberian tambahan sebanyak 400 ringgit seorang kepada semua penerima Bantuan Am JKM sedia ada. Ini bermakna, jumlah maksimum yang akan diterima oleh penerima Bantuan Am adalah **800 ringgit sebulan.**

(ii) **Kadar Bantuan Pemulihan Bencana**

Bagi meringankan beban rakyat dan menjamin bantuan segera dapat disalurkan terutamanya selepas kejadian musibah atau bencana, kadar maksimum bantuan pemulihan bencana secara sekaligus akan dinaikkan daripada **7 ribu ringgit** kepada **9 ribu ringgit**;

(iii) **Kadar Bantuan Membaiki Rumah**

Bagi memberikan keselesaan tempat tinggal kepada mereka yang memerlukan, kadar maksimum bantuan membaiki rumah akan dinaikkan daripada **3 ribu ringgit** kepada **5 ribu ringgit**;

(iv) **Kadar Bantuan Pemasangan Bekalan Air Paip / Elektrik**

Bagi memastikan setiap rakyat berpeluang menikmati kemudahan asas, iaitu bekalan air dan elektrik, kadar maksimum bantuan pemasangan bekalan air/ elektrik kepada penerima bantuan JKM akan dinaikkan daripada **2 ribu ringgit** kepada **3 ribu ringgit**; dan

(v) **Kadar Bantuan Cermin Mata**

Kadar bantuan maksimum cermin mata kepada kumpulan sasaran akan dinaikkan daripada **200 ringgit** kepada pelajar sekolah dan **300 ringgit** kepada orang dewasa /tua /kumpulan sasaran kepada **500 ringgit**.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

27. Menyedari kepentingan jalinan kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan pihak berkepentingan, termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), sebagai rakan strategik yang melengkapi perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah **290 ribu ringgit** kepada NGO yang melaksanakan aktiviti kebajikan kepada kumpulan sasaran JKM.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Inisiatif 2: Pembangunan Usahawan

28. Bagi mendukung aspirasi dan halatuju pembangunan usahawan, pelbagai program dan aktiviti telah diadakan sepanjang tahun 2023 dan Alhamdulillah ianya mendapat sambutan yang amat baik dalam kalangan usahawan dan masyarakat setempat. Justeru, bagi meneruskan kesinambungan program dan aktiviti keusahawanan, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan:

- (i) sebanyak **300 ribu ringgit** bagi penganjuran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Perlis (HPPN);
- (ii) sebanyak **200 ribu ringgit** bagi penganjuran Himpunan Usahawan Perlis; dan
- (iii) sebanyak **810 ribu ringgit** bagi penyertaan ke ekspo di luar Negeri Perlis seperti Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA), program Satu Daerah Satu Industri (SDSI), program Minggu Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Inisiatif 3: Memperkasa Sektor Pertanian dan Penternakan

29. Sebagai sebuah negeri yang diliputi oleh hampir 65 peratus kawasan pertanian, pemerkasaan sektor pertanian akan terus diberikan perhatian yang serius merangkumi pembangunan industri padi, industri sayuran dan tanaman ladang, industri buah-buahan, industri kelapa secara mapan serta tanaman industri dan herba. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah **3.36 juta ringgit** bagi sektor pertanian.

30. Untuk tujuan pemerkasaan dan penambahbaikan program pembangunan industri padi, sebanyak **1.2 juta ringgit** disediakan. Kerajaan Negeri akan meneruskan projek penanaman padi 5 kali dalam masa 2 tahun yang melibatkan kawasan seluas 44.7 hektar di mana seramai 54 orang peserta dijangka akan mendapat manfaat dengan hasil antara 6 ke 7 tan sehektar.

31. Selain itu Kerajaan Negeri buat julung kalinya akan memperkenalkan insentif luar musim padi bagi projek tanaman kenaf.

32. Bagi tujuan meningkatkan pengeluaran dan produktiviti tanaman buah-buahan, sebanyak **790 ribu ringgit** disediakan bagi memastikan petani sentiasa didedahkan dengan pengetahuan terkini dan amalan pertanian baik, khususnya MyGap.

33. Dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran dan produktiviti tanaman sayuran pula, Projek Sayuran Komuniti akan diperkenalkan dengan sasaran penyertaan seramai 150 orang peserta dalam kalangan komuniti, iaitu 10 peserta setiap DUN.

34. Di samping itu, program pembangunan Briged Belia Tani akan diteruskan bagi melatih dan menggalakkan para belia untuk menceburi bidang pertanian yang merupakan antara sektor terpenting negara pada masa ini.

35. Sektor penternakan adalah salah satu sektor penting dalam menentukan keterjaminan makanan. Untuk itu, bagi memperkasakan lagi sektor ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan menyediakan peruntukan sebanyak **640 ribu ringgit** bagi program pembangunan industri penternakan yang merangkumi industri ruminan, bukan ruminan dan aneka haiwan. Pelbagai program yang bersesuaian telah

dikenal pasti untuk dilaksanakan termasuklah program Agropreneur Muda ruminan dan unggas, sumber genetik dan teknologi makanan ruminan dan juga bantuan Industri Asas Tani (IAT) dalam bentuk penyediaan kursus produk, naik taraf fasiliti dan juga promosi produk.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Inisiatif 4: Pemantapan Syiar Islam

36. Pendidikan agama adalah satu aspek penting kepada rakyat Negeri Perlis dari pelbagai peringkat usia dan taraf sosioekonomi. Ini adalah kerana agama dapat membina jati diri dan memandu akal serta penghidupan seseorang ke arah sesuatu yang berguna dan bertanggungjawab.

37. Bagi menerapkan dan mengukuhkan kefahaman agama Islam kepada rakyat, Kerajaan Negeri di bawah agensi dan jabatan berkaitan telah menyusun pelbagai program ilmiah dan kerohanian. Sebagai contoh, program Halaqah Ilmiah yang dianjurkan di Dewan Residensi, Kediaman Rasmi Menteri Besar yang terbuka kepada seluruh rakyat Perlis untuk menimba ilmu. Di samping itu, program Bicara Dhuha turut dilaksanakan setiap bulan di Kompleks Dewan Undangan

Negeri khusus untuk kakitangan Kerajaan bagi membicarakan mengenai budaya dan motivasi kerja mengikut kehendak dan tuntutan Islam.

38. Program dan aktiviti ilmu peringkat negeri seperti Seminar Penerangan Isu-Isu Fatwa/ Hukum, Seminar Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah Dari Sudut Akidah, Fekah Dan Akhlak, Seminar Ilmu Al-Quran Dan Tajwid serta seumpamanya akan terus dilaksanakan pada tahun 2024 bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang pentingnya hidup berlandaskan syariat.

39. Selain itu, program penghayatan dan kesedaran Islam seperti Kempen Hayya 'alas Solah (Jom Solat), Kempen Perlis Berzikir, Program Bulan Rabiul Awwal Bulan Zikra al-Rasul, Program Ihya' Masjid, Program Ihya' Ramadan dan seumpamanya akan terus dilaksanakan. Kempen seumpama ini akan diperluaskan pelaksanaannya kepada semua golongan rakyat Perlis.

40. Kerajaan Negeri juga akan terus memberi dokongan penuh dalam pelaksanaan program-program bagi memartabatkan Perlis sebagai destinasi ilmu dengan menarik penyertaan dari dalam dan luar negeri. Ini seperti Program

Perkampungan Sunnah yang akan terus diperhebatkan dengan penglibatan pelbagai agensi Kerajaan dan NGO berkonsepkan pengisian ilmu tentang kefahaman agama Islam. Program Perlis International Sunnah Convention yang akan dilaksanakan pada tahun 2024 adalah satu lagi inisiatif baharu bagi merancakkan Perlis sebagai destinasi pelancongan ilmu selaras dengan pelancaran Tahun Melawat Perlis 2024-2025.

41. Bagi memperkasakan institusi syariah di Negeri Perlis, sebuah jabatan baharu iaitu Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Perlis telah ditubuhkan dan akan mula beroperasi mulai tahun 2024. Implikasi kewangan tambahan bagi pengoperasian jabatan ini adalah sebanyak **700 ribu ringgit**.

42. Selain itu Kerajaan Negeri juga memperuntukkan **900 ribu ringgit** bagi menaik taraf dan menyelenggara masjid-masjid di sekitar Negeri Perlis, termasuklah menyiapkan kerja-kerja naik taraf di Masjid Ar-Rahman, Simpang Sanglang dan Masjid Darul Ulum, Wang Ulu, Bintong.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

FOKUS 2 : PENGUKUHAN EKONOMI YANG MAPAN

Inisiatif 1: Peningkatan Hasil Negeri

43. Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk meningkatkan kecekapan dalam pelaksanaan kutipan hasil negeri bagi memastikan kutipan hasil dapat ditingkatkan semaksimum mungkin dan dalam masa yang sama berusaha untuk mengurangkan tunggakan hasil.

44. Kerajaan Negeri juga akan terus melipatgandakan usaha bagi meningkatkan hasil negeri melalui sumber-sumber baharu termasuklah melalui aktiviti berkaitan pelancongan, kajian atau semakan semula fi dan penambahbaikan terhadap peraturan dan perundangan sedia ada, memperhebatkan hebahan dan kempen berkaitan kutipan hasil termasuklah mengenai keperluan perundangan berkaitan urusan tanah serta pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan yang lebih cekap dan berkesan.

45. Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri selaras dengan perundangan sedia ada dijangka memperolehi tambahan hasil melalui Caj/ Fi dan lain-lain bayaran yang berkaitan dengan

penggunaan kawasan Taman Awam Negeri berikutan pewartaan Peraturan-Peraturan Taman Awam Negeri (Fi) melibatkan Pusat Kecemerlangan Mempelam Harumanis, Taman Buah-buahan Eksotik dan Taman Agrovet.

46. Selain itu, Kerajaan Negeri sedang menggubal Peraturan-Peraturan Berkaitan Sumber Air Negeri Perlis yang membuka ruang untuk peningkatan hasil Kerajaan.

47. Di samping kedudukan geografi yang strategik dan cuaca yang unik, Negeri Perlis turut bertuah kerana dikurniakan dengan pelbagai hasil bumi termasuklah dolomite yang setakat ini merupakan yang terbaik di dunia. Bagi memastikan hasil yang lebih tinggi dapat dijana melalui sumber ini, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan permohonan perlombongan dolomite secara pajakan jangka panjang bagi membolehkan syarikat memfokuskan kepada pelaburan pembuatan produk hiliran dolomite di Negeri Perlis.

48. Sebagai salah satu pintu masuk utama yang bersempadan dengan negara Thailand, Kerajaan Negeri mengharapkan keputusan mengenai kutipan caj jalan raya dapat dimuktamadkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi penjanaaan hasil baharu Kerajaan Negeri.

49. Dalam usaha untuk meningkatkan hasil, Kerajaan Negeri turut mengambil perhatian akan keluhan-kesah pemilik-pemilik tanah yang ingin membuat permohonan ubah syarat tanah. Buat masa ini, sekiranya pemilik tanah melanggar syarat tanah dengan melakukan aktiviti atas tanah selain dari syarat yang ditetapkan, denda pelanggaran syarat akan dikenakan atas kadar 100 peratus dari jumlah premium ubah syarat tanah.

50. Justeru, sebagai galakan kepada pemilik-pemilik tanah individu untuk mengemukakan permohonan ubah syarat tanah, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan diskaun sebanyak 75 peratus ke atas kadar denda pelanggaran syarat tanah sepanjang tahun 2024. Kadar diskaun ini juga turut dipanjangkan kepada pemilik-pemilik tanah yang sedang membuat bayaran ansuran kelulusan permohonan ubah syarat tanah atas baki tunggakan.

51. Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri, dengan kelonggaran yang diberikan ini, pemilik-pemilik tanah akan mengambil peluang untuk mengemukakan permohonan ubah syarat dengan kadar yang segera. Semoga hasil yang dijana melalui pemilikan tanah yang mematuhi perundangan ini bertambah dan diberkati oleh Allah jua.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Inisiatif 2: Kesyinambungan Projek Pemangkin Perubahan

52. Beberapa projek pemangkin perubahan lanskap ekonomi Negeri Perlis telah dirangka berdasarkan pelan perancangan jangka panjang negeri. Projek-projek ini wajar direalisasikan demi masa depan Perlis yang mandiri. Justeru Kerajaan Negeri komited dalam meneruskan projek-projek ini.

A. Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA)

53. Kemajuan pembangunan infrastruktur Fasa 1 untuk tanah berkeluasan 440 ekar telah siap dan bersedia menerima pelaburan baharu bagi tahun 2024. Mengikut perancangan, CVIA dijangka akan menerima pelaburan komited berjumlah 2.91 bilion ringgit dan pengoperasian awal pelaburan CVIA dijangka akan bermula pada Ogos 2024. Usaha-usaha untuk mempromosikan CVIA akan terus dipergiatkan dengan pelbagai agensi pelaburan pada tahun hadapan.

B. Pelabuhan Darat Perlis

54. Pembangunan Pelabuhan Darat Perlis sedang giat dilaksanakan dan kerja-kerja melibatkan komponen infrastruktur

luaran yang merangkumi *bonded road*, *spurline* dan *flyover* dijangka siap pada suku keempat tahun 2024.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Inisiatif 3: Projek Perniagaan Agrotani

55. Kerajaan Negeri akan turut memberi fokus kepada pembangunan sektor perniagaan agro bagi mendukung aspirasi dan halatuju sektor makanan Negara untuk lebih mapan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi. Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri akan memberikan perhatian terhadap tanaman seperti kenaf, jagung bijirin dan napier serta beberapa tanaman kontan. Pada masa yang sama, projek berskala besar sedia ada akan terus dipertingkatkan seperti:

- (i) Projek Tanaman Nanas MD2 di Wang Kelian oleh GG Eco Farm Sdn Bhd;
- (ii) Projek Tanaman Pisang Cavendish di Hutan Simpan Kekal Lubuk Sireh oleh PCE Retails Sdn. Bhd;
- (iii) Projek Ternakan Lembu Daging, Bebiri dan Ayam Kampung di Bukit Temiang oleh Saudagar Bijak Ternak Sdn Bhd;

- (iv) Projek Ternakan Lembu Daging oleh Koperasi Penternak Negeri Perlis; dan
- (v) Projek Tanaman Kelapa Gadong di Felcra Lubuk Sireh oleh Ladang GS Sdn. Bhd.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Inisiatif 4: Pemerkasaan Infrastruktur Awam

A. Infrastruktur Jalan dan Persimpangan Jalan

56. Jaringan jalan raya adalah kemudahan awam terpenting yang menjadi penghubung utama kepada rakyat. Keselamatan dan keselesaan rakyat di atas jalan perlu diberi perhatian sewajarnya seiring dengan peningkatan jumlah bilangan kenderaan. Justeru Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menaik taraf jalan sedia ada demi keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya.

57. Untuk itu, Kerajaan Negeri menyediakan sebanyak **1.6 juta ringgit** untuk Projek Menaik Taraf Jalan-Jalan Negeri yang melibatkan R140, Jalan Sungai Berembang, R152, Jalan Persisiran Pantai Fasa 1 dan R4, Jalan Tambun Tulang Fasa 1.

58. Kerajaan Negeri juga turut menyediakan peruntukan sebanyak **1.6 juta ringgit** bagi beberapa Projek Menaik Taraf Persimpangan Jalan-Jalan Negeri yang melibatkan persimpangan FT007, Jalan Kangar – Padang Besar dan R114, Jalan Kg. Darat Padang Melangit dan persimpangan FT179, Jalan Jejawi Tambun Tulang – Kangar – Arau.

B. Infrastruktur Bekalan Air

59. Kerajaan Negeri akan terus memberi perhatian kepada projek-projek bekalan air yang mana akan memberi manfaat langsung kepada rakyat dalam memastikan kualiti perkhidmatan dan bekalan air terawat di Negeri Perlis dapat dipertingkatkan. Bagi tujuan tersebut, sejumlah **52.1 juta ringgit** akan diperuntukkan bagi membiayai projek sambungan bagi Mitigasi Jangka Sederhana yang melibatkan tiga (3) komponen utama iaitu meningkatkan bekalan air terawat di Loji Rawatan Air Timah Tasoh, menaik taraf pam air mentah dan pam air bersih di Loji Rawatan Air Arau Fasa I, II, III dan menaik taraf Loji Rawatan Air Arau Fasa IV.

60. Memandangkan hampir 46 peratus daripada keseluruhan saluran paip air retikulasi ke kampung-kampung di Negeri Perlis masih lagi menggunakan paip jenis *Asbestos Cement* (AC),

Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak **1.4 juta ringgit** bagi meneruskan program penggantian paip-paip lama yang telah usang di sekitar Negeri Perlis.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

C. Dewan Orang Ramai

61. Keperluan bagi menyediakan kemudahan awam adalah salah satu tanggungjawab Kerajaan Negeri kepada rakyat. Oleh itu, bagi menyokong aktiviti-aktiviti sosial dan kemasyarakatan dalam kalangan komuniti penduduk setempat, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah **1.27 juta ringgit** bagi menaik taraf dan membina baharu Dewan Orang Ramai bagi kegunaan penduduk setempat melibatkan pembinaan baharu Dewan Orang Ramai di Kampung Sematang Serdang Guar Sanji, Dewan Terbuka di Padang MPK Padang Besar dan menaik taraf Dewan Orang Ramai di Kampung Kubang Batu, Pauh serta membaik pulih Dewan MPK Arau.

D. Saliran dan Longkang

62. Sistem saliran dan perparitan juga turut diberi perhatian dalam memastikan tiada masalah parit tersumbat kawasan-

kawasan kampung. Justeru, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **350 ribu ringgit** bagi menaik taraf dan bina baharu longkang saliran di tiga (3) buah kawasan yang telah dikenal pasti, iaitu di Kampung Padang Lati, Santan; Jalan Tepi Masjid Putra, Simpang Empat dan di Kampung Tengah, Kampung Bahagia dan Kampung Seberang Tok Pi, Kuala Perlis.

E. Keceriaan dan Pencahayaan Jalan

63. Sebagai sokongan kepada penganjuran Tahun Melawat Perlis, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan kawasan-kawasan dan jalan-jalan utama negeri berada dalam keadaan ceria, terutamanya pada waktu malam. Dengan ini, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak **2.35 juta ringgit** bagi menaik taraf dan menyelenggara lampu jalan, lampu hiasan dan lampu limpah di sekitar Negeri Perlis.

64. Selain itu, sebanyak **250 ribu ringgit** juga disediakan kepada Majlis Perbandaran Kangar bagi kerja-kerja menaik taraf lanskap di beberapa jalan-jalan utama sekitar Bandar Arau, Kangar dan Kuala Perlis bagi mewujudkan persekitaran yang lebih ceria di kawasan tersebut.

F. Infrastruktur Perumahan Awam

65. Kerajaan Negeri komited dalam memastikan kesejahteraan dan keselesaan hidup rakyat, terutamanya melibatkan kawasan kediaman. Dalam hal ini sejumlah **4.43 juta ringgit** akan disediakan bagi melaksanakan projek-projek membina, menaik taraf dan menyenggara perumahan seperti berikut:

- (i) **1.97 juta ringgit** bagi senggara perumahan PPR Kg. Wai Kuala Perlis, PPR Seri Sena, PPR Wang Ulu, Bintong dan PSN Kuala Perlis;
- (ii) **1.8 juta ringgit** bagi pembinaan rumah dan baik pulih rumah di bawah Pembangunan Infrastruktur Awam Desa;
- (iii) **360 ribu ringgit** diperuntukkan bagi menaik taraf pagar, menyelenggara dan membaiki kerosakan Dewan Komuniti dan Pusat Komuniti di Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Wai Permai dan membaiki kebocoran tandas di PPR Bintong; dan
- (iv) **300 ribu ringgit** bagi kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan di Taman Jali, Kangar serta kerja-kerja

menaik taraf papan tanda nama taman dan jalan di dalam kawasan perumahan sekitar Arau.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

G. Infrastruktur Pengairan dan Saliran

66. Bagi menambah baik sistem pengairan dan saliran, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **12 juta ringgit** bagi kerja-kerja naik taraf dan senggara seperti berikut:

- (i) Penyenggaraan tali air, parit, sungai dan kolam takungan dengan jumlah **4.73 juta ringgit**;
- (ii) Pembinaan Infrastruktur Pengairan Dan Saliran Pertanian berjumlah **2.4 juta ringgit**;
- (iii) Pemuliharaan Sungai-Sungai berjumlah **2.07 juta ringgit**;
- (iv) Projek Pengurusan Banjir berjumlah **1.2 juta ringgit**;
- (v) Projek Pembinaan Struktur Kawalan Hakisan Pantai **800 ribu ringgit**;

- (vi) Struktur Jambatan Melintas Sungai-Sungai Kawasan Luar Jelapang MADA berjumlah **600 ribu ringgit**; dan
- (vii) Pembangunan Sistem Keselamatan Empangan Timah Tasoh berjumlah **200 ribu ringgit**.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

H. Projek *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kedua Belas

67. Kerajaan Negeri ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas projek *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP4, RMKe-12) yang telah diluluskan. Antara senarai projek utama yang telah diluluskan adalah:

- (i) Pembinaan Jeti dan Menara Tinjau di Sempadan Malaysia - Thailand (Pos Bukit Putih) untuk kegunaan PDRM dan APMM dengan jumlah peruntukan **19 juta ringgit**;
- (ii) Menaik Taraf Pos Kawalan dan Pembinaan Baharu Blok Bangunan Pejabat di Kompleks ICQS Wang Kelian dengan jumlah peruntukan **11 juta ringgit**;

- (iii) Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Perlis, Perlis dengan jumlah peruntukan **3 juta ringgit**;
- (iv) Pembaikan dan Naik Taraf Infrastruktur Kemudahan Awam di Taman Ular & Reptilia (TUR), Sungai Batu Pahat, Perlis dengan jumlah peruntukan **900 ribu ringgit**;
- (v) Kajian Rancangan Struktur Negeri (RSN) Perlis 2040 (Kajian Semula) dengan jumlah peruntukan **500 ribu ringgit**; dan
- (vi) Penilaian Potensi Pembangunan Perlis Geopark untuk Pengekalan dan Pemuliharaan Sumber Semula Jadi Negara dengan jumlah peruntukan **350 ribu ringgit**.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Inisiatif 5: Perlis Bersih dan Sihat

68. Dalam usaha untuk memperkasakan pembangunan sukan di negeri ini, Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan agenda Pelan Pembangunan Sukan Negeri Perlis 2022-2026. Justeru, bagi memupuk semangat kesukanan dalam kalangan masyarakat, Kerajaan Negeri sedaya upaya menyediakan

program dan fasiliti sukan yang terbaik kepada semua rakyat negeri ini dengan peruntukan keseluruhan berjumlah **6.66 juta ringgit**.

69. Daripada jumlah tersebut, **4.31 juta ringgit** dikhususkan bagi perbelanjaan pembangunan dan pengurusan sukan, termasuklah perbelanjaan bagi menyertai temasya SUKMA 21 Sarawak 2024. Kontinjen Negeri Perlis dijangka akan menghantar penyertaan di dalam 28 hingga 30 jenis sukan dengan penglibatan hampir 350 orang atlet.

70. Selain itu, sejumlah **700 ribu ringgit** diperuntukkan kepada Majlis Sukan Negeri bagi menyelenggara dan menaik taraf beberapa fasiliti sukan yang telah dikenal pasti dalam memastikan atlet-atlet sukan Negeri Perlis sentiasa mempunyai akses kepada kemudahan sukan yang berkualiti tinggi.

71. Jumlah tersebut juga termasuklah **1.65 juta ringgit** yang disediakan bagi tujuan membaik pulih dan menaik taraf padang bola, gelanggang futsal dan sepak raga bagi kegunaan penduduk setempat di beberapa kawasan yang telah dikenal pasti antaranya di Kuala Perlis, Simpang Empat, Titi Tinggi, Kayang, Beseri dan Arau.

72. Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Kempen Perlis Bersih Sihat 2021-2025 dalam memastikan negeri ini sentiasa berada dalam keadaan yang bersih. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2023 dalam menyemarakkan lagi kempen ini. Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri akan meneruskan pelbagai program Perlis Bersih Sihat ini dalam memastikan kempen ini mencapai matlamatnya menjelang tahun 2025.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Inisiatif 6: Perlis Destinasi Pelancongan

73. Survei pelancongan domestik tahun 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bilangan pelawat domestik ke Negeri Perlis seramai 1.67 juta orang. Manakala data yang disediakan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia mencatatkan bilangan pelancong ke Negeri Perlis seramai 2.99 juta pada tahun 2022. Berdasarkan data ini, Perlis mempunyai potensi yang besar dalam sektor pelancongan sekiranya sebahagian daripada jumlah pelancong ini menginap dan berbelanja di Negeri Perlis.

74. Selaras dengan hasrat untuk menjayakan Tahun Melawat Perlis 2024-2025, Kerajaan Negeri akan merangka pelbagai

program pelancongan yang mampu menarik pelancong, seperti Pesta Angin Timur dan Pesta Air Kuala Perlis. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah **510 ribu ringgit** bagi mempromosikan program ini secara menyeluruh sepanjang tahun 2024.

75. Selain itu, peruntukan bagi aktiviti sokongan Tahun Melawat Perlis turut disediakan kepada pemain-pemain industri pelancongan termasuk syarikat, persatuan atau kelab yang berhasrat untuk melaksanakan pelbagai aktiviti sempena Tahun Melawat Perlis dengan peruntukan **500 ribu ringgit**.

76. Di samping itu, bagi menyediakan penginapan yang mencukupi dan selesa, Kerajaan Negeri telah menaik taraf Chalet Kurung Tengar, Kuala Perlis dan kawasan sekitarnya yang dijangka beroperasi pada awal tahun 2024.

77. Kerajaan Negeri juga akan memperuntukkan sejumlah **450 ribu ringgit** bagi menaik taraf kemudahan dan merancakkan lagi sektor agro-pelancongan di Negeri Perlis melalui Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

78. Bagi memastikan infrastruktur pelancongan sedia ada sentiasa terpelihara, sebanyak **6.32 juta ringgit** disediakan

bagi lokasi pelancongan, termasuklah di Gua Kelam, Taman Negeri dan Bukit Ayer.

79. Limpahan ekonomi dari pelaksanaan Tahun Melawat Perlis ini dijangka akan turut meningkatkan pendapatan usahawan dan ekonomi penduduk setempat, termasuklah di lokasi-lokasi agrotourism, seperti belacan madu Sungai Berembang, Pusat Kecemerlangan Mangga Harumanis Perlis, Taman Rimba Herba Perlis, Taman Agrovet, Santuari Ikan Air Tawar Timah Tasoh dan Superfruits Valley Chuping.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Inisiatif 7: Perlis Geopark

80. Negeri Perlis amat bertuah kerana Perlis Geopark telah mendapat pengiktirafan kebangsaan dan merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang diiktiraf bagi keseluruhan negeri sebagai kawasan geopark. Pengiktirafan ini juga merupakan salah satu elemen yang menyokong agenda pelancongan Negeri Perlis.

81. Bagi memastikan kesinambungan penarafan ini, sejumlah **370 ribu ringgit** disediakan bagi pelaksanaan pelbagai aktiviti

berkaitan Geopark. Antaranya, program bersama komuniti, seminar dan juga program promosi berkaitan Perlis Geopark.

82. Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan penglibatan pelbagai pihak sama ada individu mahupun syarikat untuk merebut peluang perniagaan dalam menyemarakkan lagi industri pelancongan Perlis, termasuk mempelbagaikan produk dan aktiviti pelancongan negeri. Semua pihak perlu berganding bahu dan memberi komitmen dalam memastikan kejayaan pelaksanaan program Tahun Melawat Perlis 2024-2025.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

FOKUS 3: PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Inisiatif 1: Pendigitalan Perlis

83. Seiring dengan perkembangan teknologi semasa ke arah pendigitalan, Kerajaan Negeri akan turut memberikan penekanan terhadap pembangunan digital Negeri Perlis. Liputan perkhidmatan jalur lebar yang menyeluruh dan berkualiti tinggi sedang disediakan dengan kerjasama pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia melalui program JENDELA bagi mempersiapkan negeri untuk peralihan kepada teknologi 5G.

84. Pada masa ini terdapat 44 menara komunikasi/ struktur pemancar atas bangunan dan 6 lokasi sistem dalam bangunan bagi pelaksanaan 5G telah disediakan oleh Digital Nasional Berhad di Negeri Perlis, melebihi sasaran asal sebanyak 35 lokasi. Sehingga suku ketiga tahun 2023, peratus liputan capaian 5G di kawasan berpenduduk di Negeri Perlis telah mencapai 91.4 peratus. Manakala liputan 4G jalur lebar mudah alih di kawasan berpenduduk telah mencapai 100 peratus.

85. Sebagai salah satu langkah penambahbaikan dalam sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan berkaitan kutipan hasil, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis (PTG) telah memperkenalkan Portal eTanah Perlis bagi memudahkan rakyat dalam urusan tanah, termasuklah urusan semakan dan bayaran cukai tanah, semakan status perserahan dan janaan bil berpusat. Kerajaan Negeri komited untuk menawarkan lebih banyak perkhidmatan baharu bagi urusan tanah melalui Portal eTanah Perlis di masa hadapan untuk kemudahan rakyat Negeri Perlis.

86. Portal eBayar Perlis sebagai Gerbang Pembayaran Setempat Negeri Perlis akan terus diperkasa melalui pelancaran Mobile Apps eBayar pada 10 November 2023 yang lalu bagi meneruskan momentum penggunaan tanpa tunai

(*cashless*) dalam kalangan rakyat. Pengenalan Mobile Apps eBayar diharapkan akan memberikan impak positif dan seterusnya meningkatkan pencapaian pembayaran tanpa tunai. Sehingga Oktober 2023, pembayaran secara tanpa tunai telah mencapai **62.93 peratus** berbanding hanya 8 peratus pada tahun 2020.

87. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Payment Networks (Malaysia) Sdn. Bhd. akan meneruskan program promosi dan galakan bayaran tanpa tunai di Perlis termasuklah melalui kaedah kaunter bergerak yang akan dioperasikan oleh PTG bagi memberi kemudahan kepada penduduk setempat untuk membuat bayaran berkaitan urusan tanah.

88. Kerajaan negeri juga akan memberi fokus dalam menaik taraf kemudahan dan prasarana digital di jabatan dan agensi di Negeri Perlis sebagai usaha melancarkan proses transformasi digital dalam perkhidmatan kerajaan. Sehubungan itu sejumlah **2.62 juta ringgit** telah diperuntukkan di dalam belanjawan tahun 2024.

Inisiatif 2: Menghargai Penjawat Awam

89. Kerajaan Negeri sentiasa cakna dan prihatin terhadap kebajikan dan motivasi semua penjawat awam yang berkhidmat

di negeri ini **tidak terkecuali pegawai lantikan secara kontrak (*Contract For Service*)**. Justeru, mulai tahun 2024, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menambahbaik kemudahan kepada pegawai lantikan secara kontrak seperti cuti bersalin, cuti isteri bersalin, cuti kuarantin dan cuti hospitalisasi. Pelaksanaan inisiatif ini akan memberi manfaat kepada seramai 154 orang pegawai lantikan kontrak.

90. Selain itu, bagi menghargai jasa dan sumbangan pegawai lantikan kontrak di bawah Kerajaan Negeri, tawaran kadar gaji baharu akan dilaksanakan mulai tahun 2024 dengan peningkatan yang bersesuaian melibatkan implikasi kewangan tambahan sebanyak **93 ribu ringgit**. Pasti nya cadangan ini adalah seiring dengan Manifesto Kerajaan Negeri yang memberi fokus kepada kebajikan rakyat Perlis.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

91. Sebagai menghargai jasa dan pengorbanan penjawat awam yang telah memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi Bantuan Khas Kewangan **setengah bulan gaji** tertakluk kepada **minimum 2,000 ringgit** kepada semua penjawat awam. Bayaran ini akan dibuat pada akhir Februari 2024.

92. Di kesempatan ini juga, saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat mantan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Yusran Shah bin Yusof di atas jasa bakti mengemudi pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis sebelum ini. Ucapan selamat datang, ahlan wa sahan buat Setiausaha Kerajaan Negeri yang baharu, Datuk Khair Razman bin Muhamed Annuar ke Negeri Perlis ini. Kami mengharapkan segala pengalaman yang ada akan dapat membantu mengurus tadbir Negeri Perlis ini ke arah yang lebih baik terutama dalam memastikan segala perancangan dapat berjalan dengan sempurna. Insya Allah.

PENUTUP

Yang Berhormat Tuan Speaker,

93. Belanjawan 2024 ini merupakan satu komitmen yang penuh tanggungjawab dan ikhlas Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap rakyat Perlis merasai nikmat kesejahteraannya. Dalam keadaan dunia semasa yang penuh dengan pelbagai cabaran sama ada dari segi ketidaktentuan ekonomi dan situasi geopolitik yang membimbangkan, kita harus terus komited dan bersatu hati bagi memastikan apa yang telah dirancang ini dapat dijadikan realiti. Semoga kita

diberikan kekuatan untuk menempuhi cabaran yang mendatang dan segala yang diusahakan beroleh keberkatan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Tuan Speaker,
Saya mohon mencadang.